

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

HIU 201 Perluasan Aqidah Islamiyyah

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA [5] soalan dalam SATU [1] muka surat.

Jawab TIGA [3] soalan

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Di samping membincangkan persoalan-persoalan keimanan yang pokok, kitab-kitab Ilm al-Kalam memuatkan juga beberapa persoalan yang dipertikaikan dari segi aqidah. Nyatakan punca pertikaian ini, kemudian huraikan cara yang betul untuk menetapkan aqidah yang dituntut oleh Islam.
2. Di antara ciri-ciri khusus bagi Aqidah Islamiyyah ialah sempurna dan wasatiyyah. Huraikan dengan mengemukakan dalil-dalil yang sah.
3. Pengucapan Dua Kalimah Syahadah (Syahadatayn) merupakan garis pemisah di antara iman dan kufur. Bagaimanapun terdapat nas-nas tertentu yang menyatakan berlakunya fenomena kufur, syirik dan nifaq dengan melakukan sesuatu yang dilarang oleh agama atau meninggalkan sesuatu yang dituntutnya. Bincangkan.
4. Seseorang Muslim dituntut supaya membersihkan aqidah tawhidnya dengan menafikan sebarang penyerupaan Allah Ta'ala dengan mana-mana makhluk-Nya. Bincangkan masalah ini dengan cara yang difikirkan dapat menghapuskan salah faham terhadap ayat-ayat al-Qur'an yang menyebut nama-nama Allah dan sifat-sifat-Nya dengan perkataan-perkataan yang biasanya digunakan bagi menunjukkan kepada sifat-sifat makhluk.
5. Kepercayaan kepada malaikat adalah salah satu rukun iman yang enam. Huraikan hakikat dan peranan makhluk ini berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an yang berkenaan.